

Berteraskan masa depan cemerlang, gemilang, terbilang

Manifesto BN dilancar

Um - 15/3/2004, Pg. 1

Oleh AZNAN BAKAR, ZULKIFLI
ABDULLAH dan ROZILAN SALEH

KUALA LUMPUR 14 Mac – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan manifesto Barisan Nasional (BN) dengan tumpuan mendapatkan mandat lebih besar daripada rakyat bagi melonjakkan pembangunan negara ke tahap yang lebih tinggi.

Manifesto itu merupakan manifestasi BN dalam usaha mencorakkan masa depan Malaysia ke arah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Berteraskan BN untuk semua, ia antara lain mengajak seluruh rakyat Malaysia bersatu menuju masa depan yang maju, aman dan makmur di samping melahirkan masyarakat yang berdaya saing dan mampu menghadapi pelbagai cabaran di peringkat global.

- Lagi laporan pilihan raya di muka 2-5, 8, 9, 17, 18 dan 20

Ia juga memberikan penekanan kepada pembangunan seimbang, pendidikan, agama dan pembangunan sahsiah, akhlak serta nilai-nilai etika supaya negara bukan sahaja mempunyai infrastruktur kelas pertama tetapi juga rakyat yang memiliki pemikiran kelas dunia.

Pada sidang akhbar selepas melancarkan manifesto itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, Abdullah berkata, rakyat perlu memilih BN demi untuk masa depan Malaysia.

“Kita menghendaki mandat yang besar untuk majukan negara kita Malaysia. Untuk bangunkan negara, untuk masa depan Malaysia. Masa depan yang cemerlang, gemilang dan terbilang,” katanya.

Hadir sama pada sidang akhbar itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak serta para pemimpin parti komponen BN yang lain.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berka-



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Najib Tun Razak mengangkat manifesto Barisan Nasional untuk pilihan raya umum yang bertemakan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang selepas majlis pelancarannya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam.
— Gambar Bernama (Lagi gambar di muka 11)